



KEMENTERIAN KOMUNIKASI
DAN MULTIMEDIA MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

INISIATIF TAMBAHAN SUBSIDI PEMBELIAN TELEFON DAN MYBAIKHATI DI BAWAH PEMERKASA BANTU ANAK-ANAK KELUARGA B40 MILIKI ALAT PERANTI

Susulan pengumuman oleh YAB Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin kelmarin mengenai Program Strategik Memperkasa Rakyat dan Ekonomi (PEMERKASA), antara dua inisiatif di bawah Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) ialah penambahan subsidi pembelian telefon dan program MyBAIKHATI bertujuan membantu keluarga kumpulan B40 untuk memiliki alat peranti sekaligus membolehkan mereka untuk belajar, bekerja serta berniaga dalam talian dan meneruskan kelangsungan hidup dalam suasana norma baharu.

Di bawah PEMERKASA, kerajaan akan menambah subsidi pembelian telefon yang yang sebelumnya diumumkan dalam Belanjawan 2021, iaitu daripada RM180 kepada RM300 untuk kategori keluarga. Subsidi ini akan disalurkan kepada penerima Bantuan Prihatin Rakyat (BPR) yang layak terutamanya keluarga yang mempunyai anak bersekolah. Selain itu, pilihan alternatif iaitu plan rebat data juga akan diperkenalkan bagi keluarga dan individu pada harga RM15 sebulan untuk tempoh 12 bulan. Dengan tambahan peruntukan yang diumumkan, program subsidi yang bernilai RM2 bilion ini bakal dilaksanakan pada awal bulan Mei kelak.

Program MyBAIKHATI yang telah bermula pada 18 Mac 2021 merupakan kempen *crowdsourcing* untuk mengumpul dan membaik pulih alat peranti terpakai bagi kegunaan anak-anak keluarga kumpulan B40. MyBAIKHATI melibatkan enam syarikat telekomunikasi iaitu Celcom Axiata Berhad, Digi Telecommunications Sdn. Bhd., Maxis Berhad, U Mobile Sdn. Bhd., Telekom Malaysia Berhad dan TIME dotCom Berhad. akan berlangsung selama 12 bulan bermula di Lembah Klang sebelum diperluaskan ke seluruh negara.

Selain daripada dua inisiatif yang diumumkan di bawah PEMERKASA, saya juga mengalu-alukan syarikat telekomunikasi untuk mempergiatkan lagi penambahan kuota data selain menawarkan pakej internet mampu milik kepada semua lapisan masyarakat agar tiada yang ketinggalan dalam transformasi negara ke arah pendigitalan dan Revolusi Industri 4.0.

DATO' SAIFUDDIN ABDULLAH
MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA

19 MAC 2021